



SEBAHAGIAN pelajar baharu sedang mendaftar diri.

## Pusat Luar UMS terima 662 pelajar pascasiswazah, 72 prasiswazah pelbagai bidang

UB 21.9.2014 B4

Oleh HENRY BATING

LABUAN: Seramai 662 pelajar baharu pascasiswazah pelbagai bidang mendaftar diri 5-6 Sept lalu untuk memulakan pengajian di Pusat Luar Universiti Malaysia Sabah (PLUMS) bagi kemasukan Semester 1 tahun akademik 2014/2015.

Daripada jumlah tersebut, seramai 199 pelajar ditawarkan mengikuti program Sarjana Pentadbiran Perniagaan, Sarjana Ekonomi dan Sarjana Pengurusan Modal Manusia di Fakulti Perniagaan, Ekonomi dan Perakaunan.

Manakala 463 pelajar ditawarkan mengikuti program Sarjana Psikologi Kaunseling serta Sarjana Pendidikan pelbagai pengkhususan di tiga cawangan PLUMS iaitu Kota Kinabalu, Sandakan dan Tawau.

Di samping pascasiswazah mode pengajian kerja kursus, PLUMS juga menerima 72 pelajar prasiswazah pelbagai program Ijazah Sarjana Muda seperti Ekonomi Sumber Manusia, Ekonomi Kewangan, Pengurusan Kewangan dan Perbankan, Pemasaran, Sejarah dan Komunikasi menerusi

program pengajian sepanjang hayat yang ditawarkan kepada golongan yang sedang bekerja.

Pengarah PLUMS, Prof. Madya Dr. Mohd Yusof Abdullah berkata, jumlah pengambilan program pascasiswazah pada tahun ini meningkat berbanding tahun-tahun lepas. Jumlah ini juga turut menambahkan bilangan pelajar Pascasiswazah UMS.

Ketika ini terdapat seramai 158 pelajar prasiswazah dan 1,315 pascasiswazah secara kerja kursus sedang mengikuti pengajian di PLUMS.

Tinjauan pada hari pendaftaran mendapati pelajar baharu sangat berbangga kerana berjaya mendapatkan tempat melanjutkan pengajian di UMS.

Rismahwati @ Juliza Suriansah, 29, berkata beliau amat teruja serta gembira kerana telah mendapat peluang melanjutkan pelajaran dan terpilih menjadi salah seorang pelajar UMS dalam kursus pengajian yang diminatinya iaitu jurusan Sarjana Psikologi Kaunseling.

“Saya memilih PLUMS kerana pusat ini menawarkan program secara separuh masa yang bersesuaian dengan golongan



DR YUSOF

bekerja dan struktur program yang amat bersesuaian dengan keperluan pekerjaan saya sekarang,” anggota keselamatan negara itu.

Seorang lagi pelajar yang baharu mendaftar iaitu Nur Hidayuh Hamzah berkata, beliau amat bersyukur kerana hasrat untuk melanjutkan pengajian ke peringkat Sarjana telah tercapai.

Nur Hidayuh graduan lepasan Ijazah Sarjana Muda UMS menambah, beliau dan rakan-rakan memilih untuk terus menyambung pengajian di PLUMS kerana pusat ini menawarkan pakej pendidikan yang sesuai dari segi kandungan kursus dan kesesuaian mas untuk menamatkan pengajian.